

Cul'Art adakan Pertandingan Puisi UMS

URB 12.4.2018 B2

KOTA KINABALU: Pertandingan Puisi anjuran pelajar Kelab Kesenian dan Kebudayaan (Cul'Art) UMS baru-baru ini turut diserikan dengan deklamasi puisi dan pelbagai persembahan selingan.

Peserta yang terlibat dengan pertandingan berkenaan adalah pelajar yang berlatarbelakangkan fakulti yang berbeza. Untuk pengetahuan umum, pertandingan puisi ini bertempat di Anjung Circle UMS.

Pertandingan puisi ini

dianjurkan untuk mencari pelajar berbakat dalam mendeklamasikan puisi serta memartabatkan budaya dan seni Sabah selari dengan tema program ini iaitu Perkasa Seni Sabah.

Antara persembahan yang dibuat iaitu tarian sumazau oleh pelajar kelab Cul'Art, nyanyian pelajar dari Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) serta persembahan muzik tradisional oleh pelajar Kelab Esemtra Kolej Kediaman Excellent.

Penyampaian puisi yang

dibuat oleh pelajar diadakan oleh beberapa juri jempunan yang berpengalaman dalam bidang berkenaan dan dengan itu, pemenang ditentukan mengikut kreativiti serta cara penyampaian puisi.

Secara keseluruhannya, program ini dilaksanakan dengan berjaya, dengan kerjasama penggerak program yang berjumlah 33 orang.

Program ini juga mendapat sambutan dan respon yang menggalakkan daripada penonton mahupun peserta yang terlibat.



SESI foto selepas program berakhir.